

Didik anak-anak dengan sifat jati diri

BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD

zaiton mohamad@yahoo.com

UB 28-11-2012 B4

JATI DIRI merupakan satu pegangan yang penting dalam kehidupan setiap insan. Jati diri dapat didefinisikan sebagai sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya) yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dan sebagainya, atau disebut jua identiti (Kamus Dewan 2007). Lazimnya, ciri atau sifat tersebut berbeza daripada seseorang dengan orang lain atau daripada sesebuah kumpulan dengan yang lain.

Jati diri mempunyai kaitan

rapat dengan akhlak seseorang. Tanpa akhlak mulia, jati diri tidak dapat dibentuk dengan baik. Ini kerana, akhlak memberi pengaruh dan kesan yang besar pada tindak tanduk serta gerak langkah seseorang. Nilai murni merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembentukan akhlak dan jati diri kanak-kanak. Ini bermakna bahawa perlakuan yang baik dapat dipupuk melalui nilai murni.

Oleh yang demikian, sekiranya seseorang individu itu diterapkan dengan nilai murni seperti hormat menghormati, jujur dan amanah, secara tidak langsung akhlak yang mulia dapat dibentuk. Namun, sekiranya nilai yang buruk seperti biadap, suka berbohong dan mencuri menjadi perhiasan diri seawal peringkat kanak-kanak

lagi, maka secara tidak langsung nilai tersebut akan mewarnai dirinya sehingga dewasa sekiranya tidak diubah dan dibentuk dengan nilai akhlak mulia. Sifat jati diri perlu diasuh dan ditanam dalam diri setiap insan semenjak awal kelahiran dan ia boleh dipupuk dari zaman bayi, kanak-kanak, remaja dan ia akan membuahkan hasil ketika menginjak usia dewasa. Bukan semua orang berpeluang untuk mendapat dan menerima didikan dan asuhan yang sempurna. Ini disebabkan kebanyakan pelajar-pelajar yang dihantar ke Sekolah Tunas Bakti mahupun ke Henry Gurney ada mempunyai permasalahan dari sudut jati diri yang diterima semenjak kecil. Golongan sebegitu kebiasaannya tidak terdidik dengan sifat nilai-nilai

murni dalam kehidupan seharian.

Mereka terdedah semenjak kecil dengan sifat keganasan, kebencian dan permusuhan sesama insan. Malah mereka juga telah ditanam diri bahawa dendam adalah segala-galanya dan menidakkan keupayaan dan kelebihan orang lain. Lantaran itu apabila sifat-sifat negatif semakin membesar dan mendalam maka dengan mudah mereka terjebak dengan gejala yang kurang menguntungkan kepada negara. Dalam menanam jati diri di kalangan anak-anak ibu bapa adalah orang yang utama kerana mereka yang melahirkan, mengasuh, menyediakan kelengkapan dalam hidup dan sebagainya. Manakala guru-guru, rakan sebaya dan masyarakat sekitar adalah sumber sekunder

yang seringkali dikaitkan sebagai faktor yang menyumbang pada pembentukan akhlak dan jati diri kanak-kanak juga. Walau bagaimanapun peredaran zaman telah memberikan kesan yang besar kepada pembentukan sahsiah anak-anak muda. Ini disebabkan ledakan kemajuan Teknologi telah memberi kesan yang mendalam kepada pemikiran anak-anak sehinggakan mereka boleh terpengaruh dengan bahan-bahan bacaan yang tidak ada sempadan.

Sehubungan itu ibu bapa memainkan peranan penting dalam menapis segala bentuk bahan bacaan yang diterima melalui kemajuan teknologi semasa. Selain daripada itu ibu bapa juga bertanggungjawab dalam membeli dan menyediakan

kemudahan telekomunikasi kepada anak-anak sehinggakan mereka sendiri lupa bahawa ketaksuban kepada kemajuan teknologi akan menjerat leher mereka sendiri kelak. Keadaan tersebut boleh dilihat apabila ibu bapa tidak lagi boleh menggunakan kaedah merotan dalam mendidik anak-anak kerana risau perlakuan mereka akan dirakam dan diuploadkan diinternet untuk dipertontonkan oleh manusia sejagat. Suasana begitu seolah-olah ibu bapa sendiri bimbang dengan kepintaran anak masing-masing dan secara jelas mereka gagal dalam memberikan didikan yang terbaik untuk membentuk jati diri didalam diri anak-anak mereka. - Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS